

15/08/1997

Malaysia-Indonesia sepakat perkukuh hubungan

Nazar Abdul in Jakarta

JAKARTA, Khamis - Malaysia dan Indonesia sepakat untuk terus memperkukuh hubungan persahabatan dan kerjasama dalam pelbagai bidang.

Ini ditegaskan dalam kenyataan bersama Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan rakan sejawatannya di sini, Ali Alatas di akhir mesyuarat keenam Suruhanjaya Bersama Malaysia-Indonesia yang tamat hari ini.

Sejak mesyuarat kelima suruhanjaya itu tahun lalu, banyak kemajuan dicapai dalam usaha meningkatkan kerjasama kedua-dua negara.

Abdullah yakin suruhanjaya itu dapat menggalak serta memperluas kerjasama kedua-dua negara dalam bidang perdagangan, pelancongan, pertanian, pendidikan, pelaburan, hubungan udara, sains dan penerangan.

Mengenai isu Pulau Sipadan dan Ligitan, suruhanjaya itu yakin proses penyelesaian akan dipercepatkan melalui Mahkamah Antarabangsa setelah kedua-dua negara menandatangani perjanjian khas mengenainya 31 Mei lalu.

Kedua-dua negara kini dalam proses penyiapan kes untuk sama-sama dikemukakan kepada Mahkamah Antarabangsa selewat-lewatnya Disember ini.

"Kita berharap kes ini dapat diserahkan kepada mahkamah antarabangsa sebelum Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad dan Presiden Suharto mengadakan pertemuan tidak rasmi di Kuala Lumpur Disember ini," kata Abdullah.

Mesyuarat suruhanjaya itu juga membincangkan masalah tenaga kerja Indonesia khususnya yang masuk ke Malaysia tanpa izin dan kedua-dua negara sepakat untuk menangani secara bersama.

Ada kira-kira 6,000 pekerja Indonesia yang masuk tanpa izin yang masih tinggal dan proses penghantaran mereka pulang sedang dilaksanakan secara berperingkat.

"Memang menjadi dasar Malaysia untuk mengurangkan penggunaan tenaga kerja asing dan kedua-dua negara bersetuju bekerjasama dengan mengambil langkah mencegah mereka daripada memasuki Malaysia secara haram," kata Datuk Abdullah.

Sementara itu, Ali Alatas pula menegaskan, Indonesia menghargai sikap kerajaan Malaysia dan hal ini dan akan berusaha membantu menanganinya bersama.

Mengenai masalah sempadan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE), Ali Alatas memberitahu pakar dari kedua-dua negara akan membincangkannya untuk mengenal pasti masalahnya supaya dapat diatasi melalui rundingan.

Beliau juga gembira kerana usaha meningkatkan kerjasama di bidang perdagangan sungguh berkesan dan rancangan menubuhkan Majlis Perdagangan Bersama oleh sektor swasta amat dialu-alukan.

Katanya, Indonesia juga menyambut baik perkembangan positif projek kerjasama pertumbuhan segitiga yang membabitkan penyertaan pengusaha dari wilayah Malaysia, Indonesia, Singapura dan Thailand.

(END)